

26/04/2003

Pengawal pengiring PM selamat dikebumikan

KUALA LUMPUR: Pengawal pengiring Perdana Menteri, Koperal Yusof Ibrahim, 54, yang meninggal dunia selepas diserang asma malam kelmarin, selamat dikebumikan di perkuburan Islam Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, semalam.

Jenazah Allahyarham sebelum itu dimandi dan disembahyangkan di Masjid UPM, kira-kira jam 10 pagi.

Turut menziarahi jenazah Allahyarham ialah Ketua Setiausaha Kementerian

Dalam Negeri, Datuk Seri Aseh Che Mat; Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Puchong, Datuk Satim

Diman; Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Bakri Omar serta Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, Datuk Zakaria Abdul Wahab.

Allahyarham yang diserang asma ketika berehat bersama keluarga di rumahnya di Seri Serdang dekat sini, kira-kira jam 10.30 malam kelmarin, meninggal dunia dalam perjalanan ke Hospital Putrajaya.

Allahyarham adalah pengawal pengiring paling lama berkhidmat dengan Perdana Menteri, iaitu sejak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan pada 1976.

Allahyarham meninggalkan seorang balu, Rosni Muhamad, lima anak perempuan dan empat lelaki serta enam cucu berusia antara setahun hingga 13 tahun.

Allahyarham adalah anak sulung daripada enam adik-beradik dan berasal dari Kota Bharu, Kelantan, sebelum bermastautin di Serdang.

Seorang kakitangan JPM yang ditemui berkata, Allahyarham dikenali sebagai seorang yang suka bergurau, mesra dan peramah dengan sesiapa saja.